



DOA RENTAS AGAMA, BOLEHKAH?

Sejak awal kes kehilangan pesawat MH370 hingga ke hari ini yang sudah pun melebihi 30 hari, antara perkara yang paling banyak disebut, ditulis, diperkatakan dan dilakukan ialah "doa". Baik di media cetak apatah lagi di media elektronik, perkataan atau seruan untuk berdoa terus-menerus bermunculan setiap detik bagi mengharapkan keselamatan dan dijumpainya pesawat malang tersebut beserta penumpang dan anak kapalnya. Sampai sekarang, walaupun bangkai dan kotak hitam pesawat masih belum dijumpai dan banyak pihak berada dalam kebuntuan mencarinya, namun doa untuk MH370 masih belum putus diseru dan dilakukan. Antara peristiwa yang perlu diperhatikan berhubung isu ini ialah doa yang dilakukan secara bersama (dalam satu majlis) di antara penganut Islam, Kristian dan Buddha di Malaysia yang sering diputar di kaca televisyen baru-baru ini. Doa rentas agama seperti ini, walaupun jarang dilakukan, tetapi bukanlah suatu yang baru di Malaysia. Tidak lama dahulu, anak bekas Perdana Menteri Malaysia, Marina Mahathir yang terkenal berpemikiran liberal, pernah menganjurkan majlis doa bersama dengan tokoh agama Buddha, Hindu, Kristian, Sikh dan lain-lain bagi mendoakan kesihatan bapanya yang sakit ketika itu. Di negeri jiran (Indonesia) yang mempunyai penduduk Muslim paling ramai di dunia, hal ini juga sering terjadi dan sering kali menimbulkan perdebatan.

Walaupun semua pihak bersimpati dengan tragedi yang menimpa pesawat Malaysia Airlines itu, namun sebagai Muslim, perasaan sedih dan simpati kita hendaklah disalurkan mengikut lunas-lunas Islam dan bukannya mengikut perasaan semata-mata tanpa memperhitungkan halal dan haram. Dalam kita mendoakan keselamatan dan dijumpainya pesawat yang hilang tersebut, majlis doa yang diadakan itu hendaklah diperhatikan hukum-hakamnya. Dengan kata lain, yang hak dan batil tidak boleh bercampur dan tidak boleh dicampurkan. Setiap Muslim diwajibkan mengkaji hukum syarak tentang sesuatu perbuatan terlebih dahulu sebelum melakukannya. Kaedah syarak menyatakan, *al-aslu fi al-af'al tuqayyidu bi hukmillah* (hukum asal sesuatu perbuatan itu adalah terikat dengan hukum Allah). Berdasarkan kaedah ini, tidak diperkenankan seseorang Muslim melakukan perbuatan tanpa mengetahui hukumnya atau melakukan suatu perbuatan terlebih dahulu, kemudian barulah dikaji hukumnya sama ada boleh atau tidak. Jika dengan mengkaji hukum syarak sahaja, seseorang Muslim boleh terjerumus ke dalam kesalahan jika tidak berhati-hati, apatah lagi jika tidak mengkajinya. Jadi, hal ini (doa rentas agama) tidak boleh dianggap remeh kerana ia melibatkan perbuatan, malah terkait dengan persoalan akidah, yang wajib dikaji hukumnya oleh setiap Muslim. Firman Allah SWT, "*Dan janganlah kamu mengikuti apa yang kamu tidak mempunyai pengetahuan tentangnya. Sesungguhnya pendengaran, penglihatan dan hati, semuanya itu akan diminta pertanggungjawaban*" [TMQ al-Isra (17):36].

Hukum Doa Rentas Agama

Apa yang dimaksudkan dengan doa rentas agama adalah doa yang dilakukan oleh pelbagai penganut agama yang berbeza-beza (Muslim dan non-Muslim) dalam rangka memohon atau mengharapkan sesuatu dari Tuhan dalam satu majlis yang sama. Mereka secara bersama berkumpul dan sama-sama berdoa atau secara bergiliran *bermunajat* menurut keyakinan dan cara masing-masing. Hal ini berbeza dan perlu dibezakan dengan suatu majlis yang dianjurkan oleh kaum Muslimin tetapi non-Muslim turut hadir di dalamnya sebagai peserta (hadirin) yang mungkin sahaja ada doa di permulaan atau di penghujung majlis, seperti majlis ilmu, seminar, wacana dan sebagainya. Dalam majlis seumpama ini, doa bukanlah menjadi tujuan utamanya dan majlis ini tidak termasuk dalam istilah doa rentas agama. Tambahan lagi, non-Muslim biasanya tidak akan turut berdoa dalam majlis seperti ini. Doa rentas agama yang dimaksudkan di sini adalah suatu majlis di mana non-Muslim turut berdoa dan bermunajat bersama dengan kaum Muslimin atas tujuan atau kepentingan yang sama.

Sesungguhnya majlis atau aktiviti doa yang dilakukan secara bersama-sama antara kaum Muslimin dan penganut agama-agama lainnya, sama sekali tidak pernah dicontohkan oleh junjungan kita yang mulia, Rasulullah SAW dan diharamkan secara mutlak. Antara dalilnya adalah seperti berikut:-

Pertama: Doa adalah ibadah bagi kaum Muslimin dan ia termasuk salah satu dari ibadah *mahdhah*. Rasulullah SAW bersabda, "*Doa adalah ibadah*" [HR Imam Empat]. Dalam riwayat lain oleh Imam Tarmizi, Rasulullah SAW bersabda, "*Doa adalah otak (inti) ibadah*". Firman Allah SWT di dalam al-Quran al-Kareem, "*Dan Tuhanmu berfirman, 'Berdoalah kepadaKu, nescaya akan Ku perkenankan bagimu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri dari menyembah (berdoa kepada)Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina dina*" [TMQ al-Mukmin (40):60]. Jadi, Allah SWT telah menjadikan doa sebagai ibadah, yang telah ditunjukkan melalui lafaz "*ibaadatiy*" setelah lafaz "*ud'uuniy*" (*berdoalah kepadaKu*), sama seperti

hadis di atas yang menyebut kata "*ibadah*" setelah kata "*du'a*". Maka, jelaslah bahawa doa adalah ibadah.

Perlu difahami bahawa di dalam Islam, ibadah *mahdhah* adalah suatu perbuatan yang terikat dengan *kaifiyat* (tatacara) yang *khas* (khusus) yang telah ditetapkan oleh Allah SWT dan RasulNya. Siapa pun dan dengan maksud apa pun tidak boleh menambah-nambah ataupun mengurangnya. Bahkan kaum Muslimin secara mutlak tidak dibenarkan mengikuti cara-cara, langkah-langkah dan jejak hidup orang-orang kafir dan agama-agama selain Islam. Allah SWT menegaskan bahawa Islam berbeza dengan agama-agama lain, baik dalam hal Dzāt Yang disembah mahupun tatacara pengibadatannya dan termasuk dalam aktiviti doanya.

Di dalam beramal, kita diperintahkan mengikuti Rasulullah SAW semata-mata dan tidak boleh menyimpang daripadanya. Firman Allah SWT, "*Apa sahaja yang dibawa oleh Rasul kepada kalian, maka terimalah dan apa saja yang dilarangnya atas kalian, maka tinggalkanlah*" [TMQ al-Hasyr (59):7]. Maksud dari ayat ini adalah, apa yang tidak pernah diperintahkan oleh Rasulullah, tidak pernah disetujui (*taqirir*) oleh baginda atau tidak pernah dilakukan oleh baginda, apalagi dalam perkara yang menyangkut ibadah, maka ia tidak boleh dilakukan. Rasulullah SAW bersabda, "*Siapa saja yang melakukan suatu perbuatan yang tidak kami perintahkan, maka perbuatan tersebut tertolak*" [HR Muslim].

HIZBUT TAHRIR MALAYSIA (HTM) MENGAJAK SELURUH UMAT ISLAM YANG PRIHATIN UNTUK BERTAMPILAN SECARA AMAN DI HADAPAN KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT DI KUALA LUMPUR PADA 18 APRIL 2014 (SELEPAS SOLAT JUMAAT) BAGI MENYATAKAN BANTAHAN DI ATAS KEDATANGAN PRESIDEN BARACK OBAMA KE MALAYSIA YANG DIJADULKAN PADA PENGHUJUNG APRIL 2014. PESERTA DINASIHATKAN SOLAT JUMAAT DI MASJID TABUNG HAJI, JALAN TUN RAZAK, PERHIMPUNAN AKAN BERMULA DARI MASJID TERSEBUT...JAZAKUMULLAHU KHAIIRAN

Aktiviti doa rentas agama sesungguhnya adalah menambah-nambah (suatu yang baru) yang sebelumnya tidak dicontohkan oleh Rasulullah SAW dalam perkara ibadah (doa). Hal ini jelas merupakan suatu *bid'ah* dan wajib bagi kita menjauhinya. Sabda Rasulullah SAW, "*Janganlah kalian mengada-adakan hal-hal baru (dalam ibadah) itu adalah bid'ah. Setiap bid'ah itu adalah kesesatan. Setiap kesesatan (akibatnya) adalah neraka*" [HR Ahmad, Abu Daud, at-Tarmizi & Ibn Majah].

Kedua: Doa hanya diminta kepada Allah dan bukan kepada selainNya. Dalam ayat yang telah dinyatakan di atas, Allah SWT menyebut dengan jelas bahawa doa hanyalah diminta kepadaNya dan bukan kepada selainNya. Persoalan, jika orang kafir yang berdoa, adakah mereka akan meminta kepada Allah, selaku Tuhan sekali gus Dzat Yang Maha Mengabulkan doa? Kita semua tahu bahawa orang kafir adalah orang yang tidak mengEsakan Allah, baik kafir Ahlu Kitab mahupun kafir musyrik. Malah, mereka mempunyai banyak Tuhan (dewa) yang mereka sembah (dan memohon) selain Allah. Adakah selayaknya bagi kita untuk berdoa bersama (apatah lagi untuk "mengaminkan" doa) orang yang mensyirikkan Allah, sedangkan kita tahu bahawa ia bukan memohon kepada Allah sebagaimana yang diperintahkanNya?

Selain perintah Allah untuk kita berdoa kepadaNya (sahaja) sebagai satu-satuNya Tuhan bagi manusia, kita juga mesti terikat dengan segala perintah dan syariat Allah dalam melakukan ibadat kepadaNya. Firman Allah, "*Dan apabila hamba-hambaKu bertanya kepadamu tentang Aku, maka (jawablah) bahawasanya Aku adalah dekat. Aku mengabulkan permohonan orang yang berdoa apabila ia memohon kepadaKu, maka hendaklah mereka itu memenuhi (segala perintah) Ku dan hendaklah mereka beriman kepadaKu agar mereka selalu berada dalam kebenaran*" [TMQ al-Baqarah (2):186]. Ayat ini dengan jelas menunjukkan dan memerintahkan bahawa doa hanyalah (dimohon) kepada Allah semata-mata dan orang yang berdoa itu hendaklah menunaikan segala perintah Allah dan beriman kepadaNya bagi memastikan mereka berada dalam kebenaran.

Ayat ini selaras dengan hadis Rasulullah SAW, "*...dia berdoa kepada Allah, sedangkan makanannya haram, minumannya haram dan pakaiannya haram, maka bagaimana doanya hendak dikabulkan?*" [HR Muslim]. Jika makan, minum dan pakai yang haram sahaja sudah dilarang dalam rangka pengabulan doa oleh Allah, maka apatah lagi jika mensyirikkan Allah yang jauh lebih haram, malah merupakan dosa besar yang tidak akan diampunkan olehNya? Jadi, wajarkah untuk kita berada dalam satu majlis (apatah lagi jika menjemput) golongan kafir yang mensyirikkan Allah untuk kita sama-sama berdoa kepadaNya, sedangkan kita tahu bahawa doa orang-orang kafir itu bukan (ditujukan) kepada Allah Yang Maha Esa dan mereka melakukan banyak keharaman dan kesyirikan kepada Allah?

Justeru, biarkanlah orang-orang kafir dengan doa mereka sendiri dan kita tidak perlu berada di dalam satu majlis doa bersama mereka. Allah SWT telah menjanjikan di dalam al-Quran bahawa orang-orang kafir adalah golongan yang tidak akan selamat dari azab Allah, jadi bagaimana mungkin mereka berdoa untuk menyelamatkan orang lain?

Ketiga: Setiap agama memiliki hukum dan aturan (syariat)nya sendiri. Syariat Islam berbeza dengan syariat agama lain dan Islam itu sendiri adalah agama yang berbeza dengan agama apa pun di dunia ini. Islam adalah satu-satunya agama yang benar manakala agama selain Islam, semuanya adalah salah dan sesat. *Rabb* (Tuhan) kaum Muslimin hanyalah Satu dan tidak sama dengan tuhan-tuhan agama yang lain. Sesungguhnya tidak ada Tuhan melainkan Dia (Allah) dan sesatlah manusia yang mempercayai bahawa ada Tuhan lain selain Allah. Inilah akidah dan keyakinan yang dimiliki oleh kaum Muslimin. Akidah inilah satu-satunya akidah yang benar dan ia tidak sama dan sangat bertentangan dengan akidah agama-agama lain.

Kaum Muslimin hanya menyembah Allah Yang Maha Esa manakala orang-orang kafir mempercayai dan menyembah pelbagai jenis Tuhan dengan mensyirikkan Allah. Allah SWT dengan tegas "memisahkan" pengibadatan kaum Muslimin dengan kaum kuffar. FirmanNya, "*Katakanlah, 'wahai orang-orang kafir, aku tidak akan menyembah apa yang kamu sembah. Dan kamu bukan penyembah Tuhan yang aku sembah. Dan aku tidak pernah menjadi penyembah apa yang kamu sembah. Dan aku tidak pernah (pula) menjadi penyembah Tuhan yang aku sembah. Untuk kamu agama kamu dan untukku agamaku*" [TMQ al-Kafirun (109):1-6]. Surah al-Kafirun ini merupakan dalil yang sangat jelas mencegah dan melarang kaum Muslimin bersama-sama beribadah dengan kaum kafir, sedangkan doa itu adalah ibadah bahkan inti kepada segala ibadah. Jadi, larangan tersebut secara khusus merupakan larangan melakukan ibadah (termasuk berdoa) bersama dengan orang-orang kafir di samping larangan bersekutu dalam beribadah dengan mereka secara umum.

Keempat: Aktiviti doa bersama rentas agama merupakan aktiviti yang berasal dari peradaban Barat yang Kristian dan Yahudi. Ia terkait rapat dengan agenda Barat di dalam dialog antara agama yang cuba mengatakan bahawa semua agama adalah sama (pluralisme). Kalau target dialog antara agama adalah membuat agama baru dengan menanamkan keyakinan (akidah) kepada kaum Muslimin bahawa semua agama adalah benar dan tidak ada kebenaran mutlak dalam mana-mana agama, maka dalam doa rentas agama ini, targetnya adalah untuk "mempraktikkan" agama baru ini, kerana doa adalah ibadah dan ibadah adalah "praktik" yang lahir dari akidah di mana dari aktiviti ibadah inilah, akidah atau keyakinan seseorang dimanifestasikan. Baik dialog antara agama mahupun doa rentas agama, kedua-duanya sama-sama bahaya dan haram bagi kaum Muslimin dan keduanya adalah target kuffar Barat untuk merosakkan akidah umat Islam.

Barat yang kafir mengabsahkan aktiviti *sinkretisme* (percampuran akidah mahupun syariat pelbagai agama) dan mempraktikkannya. Sedangkan Islam menolaknya dengan tegas. Ini kerana antara yang hak dan yang batil serta antara keimanan dan kekufuran tidak akan dapat dipertemukan dan dipersatukan sampai bila pun dan atas alasan apa sekalipun. Aktiviti ini adalah untuk merosakkan akidah kaum Muslimin dan bermaksud menghancurkan peradaban Islam. Propaganda ajaran *sinkretisme* kepada kaum Muslimin telah lama dilakukan Barat melalui tangan dan mulut anak-anak didiknya dari kalangan Muslim yang liberal. Ironinya, sama ada secara sedar atau tidak, ramai pemimpin, alim-ulama dan Muslim lainnya yang turut terjerumus ke dalam kefahaman dan aktiviti yang salah ini. Semoga Allah SWT menyelamatkan kita semua.

Khatimah

Wahai kaum Muslimin! Simpati dan kerjasama kita dengan golongan non-Muslim dalam kes kehilangan MH370 atau dalam apa jua kes sekalipun, bukanlah dibolehkan sampai ke tahap kebersamaan dalam perkara-perkara ibadah yang diharamkan oleh Islam. Tidak berdoa bersama mereka bukan bermaksud kita memusuhi mereka atau tidak bertoleransi dengan mereka. Kita perlu ingat bahawa tidak ada toleransi dalam masalah akidah, apatah lagi dalam keadaan toleransi itu boleh memberi padah dan menghakis akidah kaum Muslimin. Selain akidah dan ibadah, Islam juga telah menentukan hukum-hukum yang tertentu dan tegas dalam hubungan kita dengan non-Muslim seperti kita tidak boleh mengahwini mereka (kecuali *Kitabiyyah*), tidak boleh makan sembelihan mereka (kecuali Ahli Kitab), tidak boleh meraikan perayaan mereka, tidak boleh meniru amalan mereka dan banyak lagi. Semua ini diharamkan oleh Allah dan RasulNya ke atas kita semua dalam hubungan kita dengan orang-orang kafir. Justeru, janganlah kita terperangkap dengan ajaran pluralisme dan liberalisme yang akan merosakkan akidah Islam yang kita miliki ini. *Na'uzu billah min zalik.*